

# Nilai Budaya Melayu dalam Setem Pos Malaysia (Setem Perayaan Aidilfitri)

**Nor Arseha Karimon\***

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
Penulis Koresponden  
Email: norar414@uitm.edu.my*

**Mastura Jarit\***

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor  
Email: mastu841@uitm.edu.my*

**Shaliza Dasuki\***

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
Email shamd@uitm.edu.my*

**Fazlina Mohd Radzi\***

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan, Melaka  
Email: fazlinaradzi@uitm.edu.my*

**Nurulkusuma Adnan\***

*Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru, Johor  
Email: nurulkusuma@pis.edu.my*

Tarikh Masuk: **01.09.2022**; Tarikh Diterima: **29.09.2022**; Tarikh Diterbit: **31.10.2022**

*\* Semua penulis menyumbang sama rata terhadap kajian ini*

## ABSTRAK

Setem diterbitkan bersempena dengan tema atau peringatan tertentu. Kajian ini bertujuan menganalisa visual yang digunakan dalam setem perayaan aidilfitri dalam masyarakat Melayu di Malaysia yang mempamerkan budaya masyarakat Melayu. Pemikiran kita tentang budaya dan bahasa telah banyak dirosakkan oleh ahli politik menyebabkan masyarakat Malaysia berpecah belah mengikut kaum. Penekanan terhadap sains dan teknologi pada era pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad memungkinan semua ini berlaku. Isu budaya ini semakin dibangkitkan dengan kemunculan isu tanglung dan tulisan jawi baru baru-baru ini. Isu perkauman dan agama ini jika tidak ditangani dengan berkesan, ia boleh menghancurkan Malaysia. Maka, kajian ini dilakukan bagi meneroka seni visual dari perspektif sosiobudaya, yang memperlihatkan perubahan gambaran visual setem pos sebagai rekod proses ketamadunan dengan mengkaji perubahan dalam amalan budaya masyarakat Melayu apabila beralih dari tahun yang berbeza. Kajian ini bertujuan untuk memulihara, dan mengenal pasti keutamaan yang mempengaruhi pengeluaran setem. Hasil dari kajian ini bertujuan untuk masyarakat Melayu dapat mengukuhkan perpaduan dan kepribadian serta jati diri dan identiti sebagai perlindungan khazanah warisan negara. Nilai budaya masyarakat Melayu merupakan amalan budi bahasa yang berlaku dalam kehidupan harian masyarakat Melayu. Budi bahasa yang baik merupakan budaya masyarakat Melayu yang penuh dengan tatatertib, kebajikan, tutur kata, kelakuan, kebijaksanaan serta kesantunan. Kertas kerja ini memperlihatkan bagaimana nilai budaya Malaysia sentiasa menjadi amalan dan kebanggaan dalam

penghasilan setem perayaan Aidilfitri di Malaysia. Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pemerhatian, dan data perpustakaan. Kajian ini akan memfokuskan kepada setem perayaan Aidilfitri yang dikeluarkan bermula tahun 1996 hingga 2021. Penyelidikan ini akan memberi pengetahuan tentang nilai budaya Melayu melalui representasi penggunaan imej budaya Melayu di dalam setem. Kesimpulannya nilai budaya yang terdapat dalam setem pos perayaan Malaysia bertujuan supaya rakyat Malaysia menghargai tentang budaya dan nilai yang terdapat dalam masyarakat Melayu serta keindahan budaya yang sering dilihat ketika perayaan aidilfitri. Dengan kajian ini, pengkaji yang difikirkan akan memberi manfaat kepada peminat seni, penyelidik, peminat setem, dan ahli sejarah seni Malaysia.

**Kata Kunci:** *Setem, Perayaan Aidilfitri, Budaya Melayu, Masyarakat Melayu*

## **Malay Culture Value on Malaysia Stamp Postage (Aidilfitri Festive)**

**Nor Arseha Karimon\***

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
Corresponding author  
Email: norar414@uitm.edu.my*

**Mastura Jarit\***

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor  
mastu841@uitm.edu.my*

**Shaliza Dasuki\***

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
shamd@uitm.edu.my*

**Fazlina Mohd Radzi\***

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan, Melaka  
fazlinaradzi@uitm.edu.my*

**Nurulkusuma Adnan\***

*Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru, Johor  
nurulkusuma@pis.edu.my*

Received Date: **01.09.2022**; Accepted Date: **29.09.2022**; Available Online: **10.11.2022**

*\* These authors contributed equally to this study*

### **ABSTRACT**

Stamps are issued in conjunction with certain themes or commemorations. This study aims to analyze the visuals used in the Aidilfitri festival stamps in the Malay community in Malaysia that showcase the culture of the Malay community. Our thoughts about culture and language are also damaged a lot by politicians, causing Malaysian society to be divided according to race. The emphasis on science and technology during the era of Tun Dr Mahathir Mohamad's rule made all of this possible. This cultural issue is increasingly being raised with the recent appearance of lanterns and new Jawi writing. Therefore, this study was conducted to explore visual art from a socio-cultural perspective, which shows the change

in the visual image of postage stamps as a record of the civilization process by examining changes in the cultural practices of the Malay community when moving from different years. This study aims to conserve, and identify the priorities that influence stamp production. The results of this study aim for the Malay community to be able to strengthen unity and individuality as well as self-identity and identity as the protection of national heritage treasures. The cultural values of the Malay community are practices in the daily life of the Malay community. Good manners are the culture of the Malay community which is full of order, virtue, speech, behavior, wisdom, and politeness. This paper shows how Malaysian cultural values have always been a practice in the production of Aidilfitri stamps in Malaysia. This study will use qualitative methods involving observation, and library data. This study will focus on Aidilfitri stamps issued from 1996 to 2021. This research will provide knowledge about the value of Malay culture through the representation of the use of Malay cultural images in the stamps. In conclusion, the cultural values found in the Malaysian celebration postage stamps aim to remind Malaysians about the culture and values found in the Malay community as well as the cultural beauty that is often seen during the Aidilfitri celebration. With this study, researchers thought it would benefit art enthusiasts, researchers, stamp enthusiasts, and Malaysian art historians.

**Keywords:** *Stamp postage, Malay culture, Malay festive, Malaysian stamp*

## PENGENALAN

Setem merupakan sumber informasi serta media yang merekodkan situasi politik, budaya, peristiwa, sejarah serta keunikan yang ada dalam sesebuah negara. Setem dianggap sebagai karya seni dan alat komunikasi (Anameriç, 2006). Setem juga dianggap sebagai papan iklan kecil yang berfungsi sebagai informasi yang digunakan untuk mendidik, memberitahu serta memanipulasikan masyarakat atau orang awam yang digunakan secara khusus dalam mempromosikan negara atau sebagai alat promosi tanpa melibatkan kos yang tinggi dalam memperkenalkan budaya serta keunikan sesebuah masyarakat pada negara luar. Setem pos merupakan sekeping kertas kecil yang digunakan untuk menghantar surat sebagai simbol kepada pembayaran cukai. Sebelum kedatangan komunikasi digital pada zaman sekarang, setem merupakan alat komunikasi paling mudah digunakan untuk penghantaran surat mahupun dokumen penting. Pada bahagian hadapan dan kanan sampul surat akan diletakkan cop sebagai tanda surat telah diterima oleh kedua-dua pihak. Setem ini didatangkan dengan pelbagai saiz. Iaitu segiempat sama, segiempat tepat, bulat, segitiga serta heksagon. Setem mempunyai nilai harga yang berbeza serta setiap pengeluaran setem akan diletakkan nama negara dan tahun keluaran. Ilustrasi atau visual yang berbeza akan dicetak pada setem bergantung pada peristiwa atau budaya yang ingin disampaikan. Sejenis pelekat yang unik akan digunakan sebagai bahan pelekatan setem yang akan diletakkan pada bahagian belakang. Objektif kajian ini ialah menganalisa imej yang digunakan dalam setem yang mencerminkan budaya Melayu serta mentafsir maksud nilai budaya pada pos setem budaya Melayu.

## KAJIAN LITERATUR

Setem, seperti bahan bukan buku lain seperti wang kertas, syiling, poster dan peta, berfungsi sebagai alat merekod maklumat tentang masyarakat, aspek komersial, politik, budaya, sejarah dan keseniannya. Gaya setem yang tersendiri menggunakan teks abstrak, grafik berwarna-warni dan simbol pada kawasan permukaan yang terhad untuk menyampaikan mesej mereka merupakan ciri utama yang membezakan setem daripada bahan bukan buku yang lain. Setem adalah alat yang berkuasa untuk komunikasi dan seni. Setem mempunyai nilai budaya dan identiti dalam sesebuah negara. Sebelum perkembangan komunikasi

digital, adalah perkara biasa bagi orang untuk berkomunikasi menggunakan komunikasi lisan. Setem ini pernah digunakan untuk menghantar mesej dan maklumat ke seluruh dunia.

Setem pos juga digunakan sebagai propaganda dalam Perang Dingin. Sepanjang tempoh masa ini, negara yang berbeza menggunakan setem untuk menghantar mesej mereka kepada dunia. Sepanjang Perang Dingin, setem pos telah digunakan oleh negara-negara besar untuk mempromosikan dasar luar negara mereka. Kerajaan di seluruh dunia telah lama mengiktiraf keupayaan setem pos berfungsi sebagai papan iklan kecil untuk memaklumkan, mendidik, mempengaruhi, dan kadangkala mengawal orang. Setem pos boleh mendedahkan banyak tentang masyarakat yang berbeza, dan Malaysia tidak terkecuali. Sebagai contoh, terdapat nilai yang berbeza di Malaysia berdasarkan masyarakat yang berbeza yang dimilikinya: kaum, agama, dan kaum. Kepelbagaian setem yang dihasilkan pada musim perayaan dapat dilihat pada kepelbagaian kaum yang menyambutnya. Setem mempunyai empat jenis elemen teras yang berbeza: denominasi, nama negara, karya seni atau reka bentuk grafik dan maklumat topik atau imej.

Sir Rowland Hill ialah seorang bekas guru besar yang mencipta setem pos melekat pada tahun 1837. Dia telah dinobatkan sebagai kesatria untuk hasil ideanya. Pada tahun 1840, setem pertama dihasilkan di England. Hill menerima sepina pada Februari 1837 meminta bukti dikemukakan kepada jawatankuasa penyiasat pejabat pos dengan menggunakan sehelai kertas yang cukup besar untuk menanggung cop dan disalut di bahagian belakang. Pada tahun 1840, setem pos pertama dikeluarkan di UK - setem pertama dipanggil Penny Black.

## **Setem Malaysia**

Penggunaan setem di Malaysia bermula pada Disember 1867. Setem yang pertama kali dikeluarkan menggunakan wajah Ratu Victoria. Setem ini dikeluarkan hasil daripada penubuhan Negeri-negeri Selat sebagai tanah jajahan British. Semua urusan pos yang berlaku sebelum penubuhan Negeri-negeri Selat dikendalikan di Pejabat Pos India di Calcutta. Setem De La Rue ini dicetak menggunakan mata wang Negeri-Negeri Selat, dengan wajah Ratu Victoria. Setem ini memaparkan perkataan Straits Settlement dan lambang mahkota yang dicetak padanya. Setem ini telah digunakan selama 35 tahun. Pada tahun 1902, selepas Ratu Victoria meninggal dunia, setem ini digantikan dengan wajah Raja Edward VII. Lama kelamaan, beberapa negeri seperti Johor, Selangor, Pahang, dan beberapa negeri lain mula menjadikan wajah raja negeri masing-masing sebagai cop.

Akta Perkhidmatan Pos 2012 mengawal selia pengeluaran setem pos di Malaysia. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mesti meluluskan setiap keluaran setem. Setiap reka bentuk setem mesti memenuhi keperluan Akta Pos Malaysia, yang boleh mengambil masa sehingga enam bulan untuk disiapkan. Setiap keluaran setem dan tema pada ketika itu perlu mendapat kebenaran daripada (MCMC) sebelum diedarkan. Pereka yang dipilih akan ditauliahkan oleh Pos Malaysia Berhad selepas tajuk dipersetujui. Jawatankuasa Reka Bentuk Setem (SDC) ialah sekumpulan Persatuan Filateli Malaysia (PSM), Pos Malaysia, dan penentu profesional yang mesti meluluskan setiap reka bentuk setem. Pemilihan reka bentuk adalah berdasarkan satu set kriteria yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Reka Bentuk Setem (SDC), yang dianggotai oleh ahli Persatuan Filateli Malaysia (PSM), Pos Malaysia, dan beberapa pereka profesional, mesti meluluskan setiap reka bentuk setem. Reka bentuk dipilih menggunakan satu set kriteria yang telah ditetapkan. Setem pos terbahagi kepada tiga kategori, mengikut garis panduan MCMC 2012: Setem Pos Pengeluaran Khas, Setem Pos Peringatan, selain Setem Pos Pasti. Setem pos terbahagi kepada tiga kategori, mengikut garis panduan MCMC 2012: Setem Pos Pengeluaran Khas, Setem Pos Peringatan, selain Setem Pos Kenang-kenangan.

Setem merupakan antara media penting yang digunakan untuk menyampaikan maklumat dan komunikasi. Setem mempunyai kepentingan dalam sejarah dan kepentingan budaya kata Ho (2014),

Presiden Korea Post, dalam *The Philatelic Magazine*. Setiap rekaan mempunyai maklumat penting yang ingin disampaikan walaupun saiznya agak kecil. Ia dikatakan warisan budaya yang sangat bernilai dalam sesebuah negara dan masyarakat. Penyampaian maklumat dalam setem mempunyai teknik yang berbeza-beza sama ada dalam bentuk tipografi, visual yang menggunakan foto atau ilustrasi manual mahupun digital.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sejarah, budaya dan pencapaian sesebuah negara direkodkan pada setem sebagai sebahagian dari cara dokumentasi dan cara memperkenalkan budaya sesebuah negara kepada negara luar. Menurut (Saidatul Normis, 2021) tradisi dan budaya harus dijaga dan dipelihara sebagai satu ilmu yang boleh dimanfaatkan pada masa kini dan pada masa akan datang. Di Malaysia, SKMM menetapkan peraturan yang ketat untuk setiap tema dan topik yang dikeluarkan bagi setiap keluaran setem di Malaysia. Individu yang gemar mengumpul setem secara tidak langsung menimba ilmu tentang apa sahaja info yang ada di dalam setem. Satchell dan Auld (2009) mengatakan seorang pengumpul setem dikatakan mempunyai ilmu pengetahuan tentang bahasa, seni, sains dan lain-lain melalui setem. Nuessel dan Cicogna (1992) menyatakan setem juga digunakan sebagai alat bantuan mengajar dalam sistem pendidikan budaya, seni, sejarah, bahasa mahupun budaya. Segala maklumat yang ada ada setem dihantar melalui surat, poskad dan risalah melalui kaedah pemasaran murah iaitu pos. Dengan cara ini ia dapat memberi pengetahuan kepada orang luar tentang tarikan pelancongan, sejarah serta budaya tentang masyarakat. Setem juga dikatakan sebnagai satu medium pemasaran kos rendah yang boleh memperlihatkan pelbagai sumber bagi memperkenalkan tentang budaya sesuatu negara kepada negara luar


Malaysia dikenali sebagai negara berbilang kaum dan budaya. Keadaan ini mewujudkan cabaran negara untuk mengekalkan dan mengurus kemajemukan sosial ini, Terutama dari segi menggalakkan keamanan, keharmonian, dan interaksi yang membina antara kaum, kepercayaan, dan tamadun. Ia memerlukan pendekatan berkaedah dan sivil. Dalam Berita Harian, Pensyarah Kanan Jabatan Sosio Budaya dan Kesenian Melayu Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi menyatakan bahawa budaya Melayu dan Islam perlu dijadikan teras tanpa menghilangkan nilai-nilai murni umum. budaya lain (Hafizah, 2019). Selain itu, Felo Pusat Pengajian Islam Oxford Universiti Oxford, Datuk Dr Afifi al-Akiti berkata perbincangan mengenai kedudukan budaya Melayu dan kedudukan adat perlu dilakukan secara akademik dan bertolak ansur. Beliau berkata, masyarakat Sabah dan Sarawak lebih berbangga dengan budaya tempatan berbanding masyarakat Melayu di Semenanjung. (Siti Haliza, 2019) Beliau juga menyatakan bahawa masyarakat perlu belajar mempercayai adat dan budaya yang ada untuk menjadi duta budaya mereka sendiri. Sementara itu, dalam Berita Harian, Ahmad Murad berpendapat pemikiran kita tentang budaya dan bahasa juga banyak dirosakkan oleh ahli politik menyebabkan masyarakat Malaysia berpecah belah mengikut kaum. Penekanan terhadap sains dan teknologi pada era pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad memungkinan semua ini berlaku (Anding, 2021).

Seperti yang dinyatakan dalam (Masturah, 2021), rakyat Malaysia mesti menolak semua perkara yang boleh memecahbelahkan perpaduan, kata Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, ia termasuk soal mempersendakan pakaian dan budaya tradisi setiap kaum di Malaysia. Beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi berkata, masyarakat di negara ini harus menghormati budaya orang lain jika mahu budaya sendiri dihormati. “Dalam usaha kita mengejar perpaduan yang diidamkan, janganlah kita mempersendakan pakaian dan budaya tradisi setiap kaum di Malaysia. “Pakaian tradisional tidak boleh dinilai dengan wang ringgit. Ia adalah tradisi dari nenek moyang kita. Malaysia mempunyai kepelbagaian budaya untuk kita banggakan.” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Penyelidikan ini mempunyai beberapa perkara yang signifikan, terutamanya kepada budaya setem Malaysia. Kajian ini mengetengahkan pengaruh ilustrasi, imej dan penghasilan pos setem dengan imej budaya Malaysia. Penyelidikan ini dapat membantu muzium dalam pengumpulan data. Selain itu, ia dapat menyumbang ilmu kepada pengkaji setem, peminat setem dan penulis yang mengkaji isu setem di Malaysia. Kajian ini juga mengekalkan dan menyambut dasar kebudayaan kebangsaan yang menetapkan hala tuju Malaysia sebagai Negara Maju dengan rakyat yang berbudaya.

## METODOLOGI KAJIAN

Analisa yang akan dijalankan dalam kajian ini bagi memahami peranan imej dalam isu setem di Malaysia. Rangka kerja konsep ini terdiri daripada empat bahagian iaitu artis, karya seni, dunia dan masyarakat. Kerangka konsep menunjukkan kebergantungan setiap bahagian antara satu sama lain untuk terus hidup dalam dunia seni, dan berubah secara radikal dari masa ke semasa bergantung kepada artis, hasil seni, dan masa pengeluaran (Malyon, 2002). Sumber peribadi, sosial dan teknologi juga digunakan sebagai cara untuk mentafsir ringkas reka bentuk dan berusaha ke arah penyelesaian (Tan & Melles, 2010). Seorang artis ialah orang yang mencipta karya seni dan mentakrifkan ekspresi dan niat. Artis berusaha untuk berhubung dengan penonton melalui karya seninya. Seniman biasanya mempunyai falsafah dalam mencipta seni. Dalam karya seni mereka, mereka menyampaikan pengalaman peribadi dan pandangan jauh yang menyatakan pemikiran dan kepercayaan mereka. Karya Seni ialah objek yang menunjukkan niat dan idea artis melalui inovasi teknikal dan kehalusan mereka sendiri. Objek adalah menyampaikan idea dan konvensyen artis. Ia juga mencerminkan idea dan kepercayaan sesuatu masa dan tempat. Penonton termasuk ahli sejarah dan pengkritik sepanjang sejarah kerana mereka mendokumentasikan pemikiran dan cita rasa pada zaman itu, Dalam pos setem Malaysia penonton adalah pemungut pos setem, masyarakat filateli, Pos Malaysia dan SKMM. Dunia merujuk kepada masa dan tempat di mana artis, penonton dan karya seni berada. Ia termasuk kepercayaan dan konvensyen sesuatu zaman dan melibatkan pautan kepada apa yang dunia sedang alami, karya seni dan artis pada masa itu (Malyon, 2002).



**Rajah 1. Kerangka konsep dalam analisa setem budaya Melayu**

Dalam bahagian ini, kaedah analisis visual akan menyumbang untuk membolehkan senarai pos setem budaya di Malaysia. Setem perayaan aidilfitri menjadi pilihan dalam kajian ini. Analisis adalah berdasarkan imej yang terdiri daripada manipulasi imej, foto, ilustrasi, warna, tipografi dan susun atur dalam budaya pos setem. Analisis stilistik akan digunakan untuk menganalisis imej setem.

## **Nilai Budaya dalam Masyarakat Melayu**

Budaya merupakan rangkaian pola perilaku sosial yang boleh dilihat melalui bahasa dan tatacara hidup dalam masyarakat. Budaya merangkumi nilai, simbol, komunikasi. Budaya adalah satu tradisi yang menjadi warisan sesuatu kelompok masyarakat (Hafiz, 2018). Warisan atau khazanah merupakan sesuatu yang perlu kita kekalkan dan lindungi. Warisan budaya terbahagi kepada dua iaitu warisan budaya ketara (*tangible heritage*) dan warisan budaya tidak ketara (*intangibile heritage*) (Mohd. Salehuddin et al., 2022). Keragaman budaya yang ada dalam masyarakat Melayu Malaysia termasuk pakaian, makanan dan adab. Wanita Melayu masih mengekalkan pemakain baju kurung dalam acara dan majlis-majlis tertentu. Budaya makanan ketika sambutan perayaan juga masih kekal diamalkan di Malaysia. Masyarakat Malaysia terkenal dengan adab budaya sopan santun, bertegur sapa, menghormati orang tua, salam bersalam merupakan adab dan nilai murni yang menjadi nilai budaya dalam masyarakat Melayu.

## **ANALISA NILAI BUDAYA MELAYU DALAM SETEM POS MALAYSIA**

### **Analisa Setem Hari Raya Aidilfitri Pada Tahun 2006**



## Rajah 2. Setem Aidilfitri 2006

Sumber: [https://colnect.com/ms/stamps/stamp/649175-Eid\\_Al\\_Fitr-Festivals-Malaysia](https://colnect.com/ms/stamps/stamp/649175-Eid_Al_Fitr-Festivals-Malaysia)

Setem ini merupakan keluaran setem pada tahun 2006. Ia merupakan setem pertama keluaran Malaysia yang menceritakan tentang sambutan Hari Raya Aidilfitri. Setem ini memperlihatkan keadaan sambutan Aidilfitri yang disambut dengan pelbagai kaum. Ini menunjukkan keharmonian penduduk Malaysia yang terdiri dengan pelbagai kaum. Ia merupakan kemegahan serta sesuatu yang unik yang sering dikagumi negara luar. Kesefahaman ini menyerlahkan lagi keistimewaan budaya masyarakat Malaysia. Gambar ini menunjukkan realiti masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai amalan dalam memupuk perpaduan antara kaum mahupun agama. Kongsi raya, rumah terbuka, bertukar ucapan merupakan amalan masyarakat Malaysia demi memupuk perpaduan kaum (Mohd Anuar et al., 2013). Budaya juga merupakan kelompok nilai sosial sesebuah masyarakat (Hafiz, 2018). Amalan berjumpa dan bersalam merupakan budi bahasa masyarakat Melayu. Bersalam merupakan salah satu nilai budi bahasa yang mulia di kalangan masyarakat Melayu. Ia merupakan salah satu cara dan amalan yang di amalkan untuk menjalinkan hubungan silaturrahim (Noor Aina, 2011). Rakyat Malaysia terdiri dengan pelbagai kaum yang mana ia digelar sebagai masyarakat majmuk. Kepelbagaian ini memperlihatkan kepelbagaian bangsa, agama dan budaya. Rajah 2 menunjukkan realiti masyarakat Malaysia yang menerima pelbagai amalan dalam memupuk perpaduan antara kaum mahupun agama. Kongsi raya, rumah terbuka, bertukar ucapan merupakan amalan masyarakat Malaysia demi memupuk perpaduan kaum.

## Analisa Setem Hari Raya Aidilfitri Pada Tahun 2010



## Rajah 3. Setem Aidilfitri 2010

Sumber: <http://setemdimalaysia.blogspot.com/2016/12/2010-setem-malaysia.html?q=perayaan+2010>

Selepas 4 tahun berlalu, pada tahun 2010, Malaysia mengeluarkan setem perayaan aidilfitri dengan tema makanan tradisional. Sejak zaman nenek moyang, masyarakat Melayu Malaysia terkenal dengan budaya tradisional dan pelbagai warisan yang menjadi amalan sejak zaman nenek moyang hingga pada zaman sekarang. Budaya dan makanan amat berkait rapat dalam kehidupan sepertimana pantang larang dan adat resam yang berada dalam masyarakat Melayu (Mohd. Salehuddin et al., 2022). Rajah 3 menunjukkan lemang dan rendang serta rempeyek diletak di dalam pinggan sebagai menu makanan tradisi rakyat Malaysia. Dalam perayaan Aidilfitri, penyediaan lemang adalah salah satu menu utama ketika perayaan. Lemang dikatakan telah menjadi makanan utama di kalangan masyarakat Melayu pada tahun 1864. Lemang di Malaysia berasal dari masyarakat Melayu asli di Kelantan. Masyarakat asli ini dikenali sebagai orang asli Negrito atau Orang Semang. Mereka dikatakan penduduk terawal di Kepulauan Melayu. Lemang adalah juadah istimewa pada hari raya aidilfitri serta ia digambarkan ikatan silaturrahim yang erat di kalangan ahli keluarga kerana penyediaan lemang memerlukan kerjasama seluruh ahli keluarga (Mohd. Salehuddin et al., 2022). Hal ini kerana, proses pembakaran lemang bukannya mudah, ia memerlukan teknik pembakaran yang betul agar ia masak sekata dan tidak hangit. Gambar



seterusnya pada pinggan kedua merupakan ilustrasi kuih muih masyarakat Melayu yang terdiri dari agar-agar, kerepek pisang, kuih bahulu, kuih bangkit, kuih ros serta rempeyek. Kuih muih ini merupakan kuih tradisi yang menjadi kudapan para tetamu dan sedara mara ketika mereka mengunjungi rumah sesama mereka.



**Rajah 4. Setem Aidilfitri 2010**

*Sumber: <http://setemdimalaysia.blogspot.com/2016/12/2010-setem-malaysia.html?q=perayaan+2010>*

Rajah 4 memperlihatkan rangkaian makanan pada musim perayaan di Malaysia. Oleh kerana kajian ini tentang nilai budaya Melayu dalam setem pos Malaysia maka makalah ini akan menceritakan tentang visual makanan Melayu. Jika dilihat pada visual ini dilihat ada ilustrasi ketupat bawang dan juga ketupat palas. Ilmu perihal anyaman ketupat ini telah diturunkan secara turun temurun secara praktikal dan lisan sejak berkurun lamanya dalam masyarakat Melayu. Ketupat dikatakan sebagai makanan warisan Melayu malah disebut dalam kesusasteraan Melayu ada kurun ke-17 melalui Hikayat Indraputra (Mohd. Salehuddin et al., 2022). Maka tidak hairanlah ia merupakan hidangan istimewa setiap kali musim Aidilfitri dikalangan masyarakat Melayu. Ketupat sangat sinonim dengan hari lebaran yang mana ia adalah makanan tradisi utama di hari yang istimewa buat masyarakat Melayu bukan sahaja di Malaysia malah di negara-negara kepulauan Melayu yang lain yang turut meraikan ketupat sebagai makanan istimewa di hari lebaran (Mohd. Salehuddin et al., 2022). Visual di atas juga mempunyai hidangan kuah kacang, kuih bahulu dan kuih batang buruk, rendang dan juga dodol. Kesemua hidangan ini merupakan hidangan istimewa dan hidangan wajib ketika musim perayaan.

### **Analisa Setem Hari Raya Aidilfitri Pada Tahun 2012**



### Rajah 5. Setem Aidilfitri 2012

Sumber: <http://abbasid1.blogspot.com/2012/11/perayaan-di-malaysia-siri-ii.html>

Rajah 5 merupakan setem aidilfitri yang menggambarkan budaya masyarakat Melayu yang bersalam ketika Aidilfitri. Bersalam atau berjabat tangan merupakan salah satu adab dan etika tingkah laku masyarakat Melayu ketika berjumpa. Budi Bahasa orang Melayu dilihat melalui tatatertib, perbuatan, sopan santun, tutur kata, kesopanan dan kebijaksanaan (Noor Aina, 2011). Dalam masyarakat Melayu terdapat tata tertib kursus sewaktu bersalam. Golongan yang lebih muda akan menghulurkan tangan kepada golongan yang lebih tua atau hulurkan tangan kepada orang yang lebih mulia kedudukannya dari kita contohnya ibu bapa, guru, agamawan. Usai bersalam tangan akan diletakkan di dada, tidak akan ada goncangan tangan ketika bersalam. Nilai murni yang ada dalam budaya Melayu di sini ialah hormat-menghormati (Noor Aina, 2011). Amalan berjabat tangan atau bersalam ini akan dilakukan pada setiap pagi perayaan Aidilfitri disertakan ucapan meminta maaf. Ia juga dilakukan ketika mengunjungi rumah sedara mara atau jiran tetangga sebagai tanda hormat dan juga adab mengunjungi tetamu.

### Analisa Setem Hari Raya Aidilfitri Pada Tahun 2017



Rajah 6. Setem Aidilfitri 2017

Sumber: <http://setemalaysia.blogspot.com/p/setem-malaysia-2017.html?m=1>



Rajah 7. Setem Aidilfitri 2017

Sumber: <http://setemalaysia.blogspot.com/p/setem-malaysia-2017.html?m=1>

Setem Aidilfitri ini merupakan keluaran setem keluaran ada tahun 2017. Setem ini menggunakan kaligrafi tulisan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Kaligrafi merupakan tulisan indah yang tulisannya dibentuk melalui kaedah tertentu berasaskan sumbernya iaitu al-Quran dan al-Hadith yang menarapkan ciri dan nilai kerohanian yang diterjemahkan melalui huruf yang dibentuk (Makmur & Muhammad, 2015). Penggunaan kaligrafi sebagai tulisan bertujuan mengangkat falsafah dan simbol kesenian yang ada dalam peradaban masyarakat Melayu (Makmur & Muhammad, 2015). Perkataan 'Calligraphy berasal dari dua suku kata Yunani iaitu *Kallios: beauty*, indah dan *Graphein: to write*, menulis. Menurut Kamus Dewan, edisi keempat. 1989 ertinya ialah "seni menulis yang indah, tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan yang indah sebagai suatu seni khat. Maka keluaran setem pada tahun ini mengangkat budaya masyarakat Melayu melalui kebijaksanaan orang Melayu dalam kemahiran penulisan yang tulisan Jawi dengan gaya yang indah dan unik. Ia dapat dilihat dengan jelas keunikan kaligrafi yang digunakan dalam setem keluaran tahun 2017. Ia juga dihiasi dengan lampu pelita berwarna kuning. Rajah 7 merupakan setem Aidilfitri yang menggunakan tulisan khat berwarna hitam dan mempunyai latar belakang tona hijau dan kuning.



**Rajah 8. Setem Aidilfitri 2017**

Sumber: <http://setemalaysia.blogspot.com/p/setem-malaysia-2017.html?m=1>



**Rajah 9. Setem Aidilfitri 2017**


Sumber: <http://setemalaysia.blogspot.com/p/setem-malaysia-2017.html?m=1>

Rajah 8 dan rajah 9 merupakan setem Aidilfitri ada tahun 2017. Terdapat dua keluaran setem berlaku pada tahun ini dengan tema yang berbeza. Yang pertama tema kaligrafi dan yang kedua makanan tradisi Masyarakat Melayu. Pada gambar yang ketujuh menunjukkan visual kuih muih tradisi masyarakat Melayu. Kuih muih ini adalah warisan masyarakat terdahulu untuk masyarakat sekarang. Namun begitu, dengan pelbagai kemajuan dan kepesatan hidup, semakin banyak makanan tradisi warisan Melayu yang dilupakan. Jika dilihat pada gambar setem ini, susunan kuih diatur dalam bentuk bulat. Susunan kuih dimulai dengan kuih kapit pada bahagian atas kanan, kuih bunga ros, karipap kecil, kuih bahu, kuih sugi,

diikuti kuih bahulu, biskut Makmur diikuti biskut dahlia dan rempeyek. Kuih raya tradisional ini menjadi kegemaran masyarakat Melayu pada masa itu. Rajah 8 menunjukkan jenis-jenis hidangan wajib yang biasanya ada pada sambutan hari raya. Ada 3 keping setem, dari kiri merupakan kuih tepung pelita dan agar-agar kering yang berwarna warni. Agar-agar kering ini berasal dari pantai Timur dan merupakan makanan popular suatu ketika dahulu. Ia merupakan hidangan sampingan yang dibuat ketika musim perayaan Hari Raya Aidilfitri. Menurut rekod, agar-agar kering ini telah wujud sejak kurun ke 15. Memandangkan ia berasal dari Pantai Timur, ini tidak asing lagi, kerana Kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia kaya dengan penghasilan rumpai laut yang merupakan bahan utama dalam penghasilan agar-agar (Mohd. Salehuddin et al., 2022). Tepung pelita pula adalah sejenis kuih yang dihasilkan menggunakan tepung gandum dan inti gula dengan menggunakan teknik mengukus. Kuih ini juga digelar limas dan kuih sampan. Ia mempunyai dua lapisan iaitu pandan di bawah dan pada bahagian atas menggunakan santan, rasanya yang lemak manis menjadi kegemaran masyarakat Melayu bukan sahaja pada musim perayaan tetapi juga pada majlis-majlis tertentu.

Visual seterusnya merupakan hidangan kegemaran masyarakat Melayu iaitu ketupat bawang, kuah sate, sate, timun dan bawang yang dipotong untuk dimakan bersama, visual terakhir merupakan ketupat palas, serunding, lemang dan rendang yang diletakkan dalam dulang rotan sebagai hidangan enak yang sentiasa menjadi kegemaran masyarakat Melayu. Ketupat yang ada dalam visual ini merupakan ketupat beras dan ketupat palas. Kedua-duanya merupakan hidangan istimewa yang disajikan semasa musim perayaan masyarakat Melayu. Ketupat beras dihasilkan dengan menggunakan beras yang dibalut daun kelapa yang telah dianyam membentuk bentuk segi empat. Ketupat palas pula merupakan beras pulut yang dibalut menggunakan daun palas. Ia sangat popular di negeri Pantai Timur mahupun di sebelah utara. Serunding yang diletakan di sebelah potongan lemang merupakan hasil dari daging yang telah dikukus, dicarik-carik halus dan dicampurkan dengan santan dan rempah yang sesuai, diperasakan dengan garam, gula, air asam jawa dan lada. Campuran bahan ini akan dikacau dan digoreng dengan api sederhana sehingga kering. Proses pembuatan serunding agak lama kerana ia akan dikacau tanpa henti sehingga betul-betul kering. Dengan cara ini, serunding akan lebih tahan lama. Ia merupakan hidangan lazim pada Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. Serunding berasal dari masyarakat Jawa di Pulau Indonesia dan telah berada di Tanah Melayu menerusi Negeri Kelantan kerana hubungan baik Kerajaan Majapahit dan Kelantan pada ketika itu (Mohd. Salehuddin et al., 2022). Hidangan ini menjadi hidangan warisan turun temurun masyarakat Melayu yang sentiasa menjadi pilihan utama pada musim perayaan.

### **Analisa Setem Hari Raya Aidilfitri Pada Tahun 2019**



**Rajah 10. Setem Aidilfitri 2019**

Sumber: <http://setemalaysia.blogspot.com/2019/05/2019-01-15-perayaan-malaysia-siri-3.html>



Visual seorang wanita berbusana baju kurung tona merah jambu bersama seorang lelaki berbaju Melayu, bersamping dan bersongkok lengkap sedang mengacau dodol di dalam kualiti besar. Di bahagian kiri kualiti tersebut terdapat lemang yang sedang dibakar. Rajah 10 merupakan gambaran biasa yang kita akan lihat setiap kali musim perayaan hari raya di Malaysia. Jika dilihat pada bahagian bawah setem tertera perkataan “Lemang & Dodol”. Lemang dan dodol merupakan makanan tradisi yang menjadi pilihan hidangan menjelang lebaran. Dodol merupakan kuih tradisional warisan masyarakat Melayu yang dihasilkan dari tepung pulut, dicampur gula, santan kelapa, daun pandan dan lain-lain. Dodol merupakan kategori makanan manis dan penghasilannya agak berbeza mengikut negeri tertentu (Kharis et al., 2012). Terdapat pelbagai jenis dodol iaitu dodol kerisik, dodol maharani dan juga dodol gula kabung. Adakalanya, ubi keledak, labu, durian dan pulut hitam ditambah sebagai ramuan untuk memberikan keenakan dan keunikan yang berbeza. Lemang merupakan beras pulut yang dimasak bersama santan bersalut daun pisang yang diisi di dalam batang buluh (Zulkiplie, n.d.). Kepakaran amat diperlukan dalam proses memasukkan beras pulut dan santan supaya isi yang dimasukkan mengembang elok dan tidak tumpah ketika proses pembakaran. Masa yang lama diperlukan untuk pembakaran lemang kerana api tidak boleh terlalu besar, bara api perlu sekata, supaya lemang dimasak rata. Sambutan Hari Raya dirasakan hambar dan tidak lengkap tanpa lemang di dalam menu kerana ia begitu sinonim dengan masyarakat Melayu.

### Analisa Setem Hari Raya Aidilfitri Pada Tahun 2020



Rajah 11. Setem Aidilfitri 2020

Sumber: <https://www.impiana.my/pos-malaysia-lancar-setem-edisi-aya-2020/>

Setem Aidilfitri pada tahun 2020 merupakan edisi tehad dengan gabungan kaligrafi kufi dan seni reka Islamik Arabes. Reka bentuk setem ini menggunakan mempunyai maksud ‘Kesyukuran’, ‘Kemenangan’ dan juga ‘Keikhlasan’. Tema ini dikeluarkan sempena dengan tahun sukar rakyat Malaysia kerana ketika ini adalah tahun di mana rakyat Malaysia tidak dapat beraya seperti biasa. Negara Malaysia ketika ini berdepan dengan virus covid-19 yang begitu berleluasa. Tema raya ketika ini juga menggunakan tanda pagar ‘raya di rumah’. Seni Khat digunakan dalam penyampaian tema pada tahun ini. Seni Khat merupakan ilmu pengenalan huruf-huruf tunggal diletakkan dan dirangkai menjadi satu bentuk tulisan yang tersusun indah (Siti Hawa, 2007).

Penzahiran seni khat merupakan aktiviti ketamadunan manusia yang diperlukan dalam asas kemasyarakatan, Ciptaan seni tulisan melambangkan perkataan yang ingin disampaikan menggunakan kehalusan teknik seni dan daya fikir yang tajam. Menurut Kurator Muzium British, Dr Venetia Porter,

yang juga pengkaji kesenian Islam, kepentingan tulisan ini adalah elemen penting bagi tujuan penyampaian gambaran terhadap peristiwa yang berlaku. Setiap maksud perkataan yang ingin disampaikan diungkapkan melalui tulisan khat. Seni khat mengandungi nilai abstrak yang menjalinkan kehalusan, keunikan, kelembutan, keharmonian, pergerakan, kesinambungan sebagai wacana dalam penyampaian maklumat (Makmur & Muhammad, 2015).

### Analisa Setem Hari Raya Aidilfitri Pada Tahun 2021



**Rajah 12. Setem Aidilfitri 2021**

Sumber: <https://shopee.com.my/Pos-Setem-Hari-Raya-Aidilfitri-2021-Setem-Ku-Sheet-Gift-Stamp-Set-i.59860867.9245548269>



**Rajah 13. Setem Aidilfitri 2021**

Sumber: <https://shopee.com.my/Pos-Setem-Hari-Raya-Aidilfitri-2021-Setem-Ku-Sheet-Gift-Stamp-Set-i.59860867.9245548269>



**Rajah 14. Setem Aidilfitri 2021**

Sumber: <https://shopee.com.my/Pos-Setem-Hari-Raya-Aidilfitri-2021-Setem-Ku-Sheet-Gift-Stamp-Set-i.59860867.9245548269>

Setem sambutan Aidilfitri pada tahun 2021 menampilkan tema *#KitaMestiRaya* dengan ilustrasi coretan persiapan dan sambutan Raya di sebuah kampung dalam persekitaran normal baharu di tengah-tengah pandemik Covid-19. Setem berwarna-warni itu menampilkan senario seperti membeli-belah dalam talian untuk pakaian raya baharu, penyediaan masakan tradisional dan kuih-muih raya, memasang lampu minyak sebelum hari perayaan, memohon maaf daripada ahli keluarga, pertemuan maya dengan ahli keluarga yang tidak dapat hadir kerana sekatan perjalanan, menunaikan zakat, membeli-belah pakaian baharu, membakar biskut, menerima duit Raya, dan menyediakan ketupat.

Koleksi istimewa Hari Raya Aidilfitri 2021 Setem Ku dibuat dengan kerjasama artis grafik tempatan dari Kuching, Yasmin Yusoff, dengan menampilkan tema *#KitaMestiRaya* walaupun dalam masa yang sukar ini. Pada tahun ini tiada budaya salam bersalam, kunjung mengunjungi sesame ahli keluarga yang jauh tidak boleh dilakukan berikutan sekatan perjalanan yang dibuat oleh kerajaan Malaysia. Salam bersalaman boleh dibuat bersama ahli keluarga yang berada di dalam rumah. Namun jika berjumpa dengan jiran tetangga, isyarat tangan diletakkan di dada sebagai tanda hormat kerana budaya bersalam perlu dielakkan. Namun begitu budaya pertemuan bersama ahli keluarga boleh dibuat secara maya. Amalan membuat ketupat juga diteruskan bagi menunjukkan rakyat Malaysia masih lagi menyambut perayaan walaupun hanya dengan ahli keluarga yang kecil. Segala urusan pembelian banyak dilakukan secara dalam talian. Urusan zakat fitrah juga dilakukan secara dalam talian bagi mengelakkan sentuhan untuk mengurangkan risiko jangkitan covid-19 yang masih belum reda pada tahun ini. Ia merupakan pengalaman berbeza bagi seluruh masyarakat Melayu di Malaysia kerana kemeriahan raya kurang dirasai pada tahun 2021 amat berbeza dari tahun-tahun sebelumnya.

## KESIMPULAN

Malaysia terkenal dengan sebuah negara yang kaya dengan pelbagai kaum dan budaya. Namun begitu masyarakat Melayu, masih mengekalkan sebilangan tradisi budaya Melayu ketika sambutan perayaan Hari Raya. Nilai murni, budi bahasa dan budaya yang diamalkan orang Melayu adalah berasaskan warisan kebudayaan Melayu dan agama Islam. Nilai budaya masyarakat Melayu iaitu bersalam-salaman, kunjung mengunjungi, hormat-menghormati, dan tolong menolong masih menjadi amalan yang baik di kalangan masyarakat Melayu. Selain itu visual bersalaman, hormat menghormati, bantu-membantu merupakan budaya masyarakat Melayu yang masih menjadi amalan walaupun pada musim penyebaran penyakit covid 19. Namun ia berlaku dalam kelompok yang lebih kecil tetapi tetap kekal diingati budaya ini melalui pengeluaran setem pada tahun 2021. Nilai murni dan budi bahasa yang dijadikan

visual dalam setem pos Malaysia memaparkan nilai-nilai budaya masyarakat Melayu yang penuh dengan falsafah dalam menjaga hubungan kemasyarakatan

Tradisi makanan tertentu seperti ketupat, lemang, rendang merupakan makanan khas musim perayaan adalah menu istimewa yang wajib secara turun temurun menjadi santapan khas hari raya Aidilfitri. Ini dizahirkan dengan penghasilan setem yang kekal menggunakan elemen visual ketupat, lemang dan rendang. Penggunaan tulisan khat pula melambangkan budaya Melayu iaitu kebijaksanaan akal yang ada di kalangan masyarakat Melayu. Kehalusan, ketelitian penyambungan huruf bagi penyampaian mesej melalui tulisan juga menunjukkan nilai budaya orang Melayu yang kaya dengan keunikan tersendiri.

## RUJUKAN

- Abdul Rohman (2020). *Perkembangan Islam dan Gerakan Politiknya di Malaysia. Politik Walisongo – Vol 2, No 1 (2020), 27–36. 2(1), 2503–3204.* <https://doi.org/10.21580/jpw.2020.2.1.3629>
- Anameriç, H. (2006). Stamps as an information source in the National Library of Turkey. *Library Collections, Acquisitions, & Technical Services*, 30(1–2), 117–127. <https://doi.org/10.1080/14649055.2006.10766112>
- Anding Kahar. (2021, December 30). Merenung semula Dasar Kebudayaan Kebangsaan. *Berita Harian*.
- Malyon. C. (2002). *Visual arts in a month* (2nd ed.). Pascal Press. [https://books.google.com.my/books?printsec=frontcover&vid=ISBN1877085146&redir\\_esc=y#v=onepage&q&f=false](https://books.google.com.my/books?printsec=frontcover&vid=ISBN1877085146&redir_esc=y#v=onepage&q&f=false)
- Garis Panduan Pengeluaran Dan Permohonan Setem Di Bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012, (2012). <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Garis-Panduan-Pengeluaran-dan-Permohonan-Setem-di-bawah-Akta-Perkhidmatan-Pos-2012.pdf>
- Hafizah Iszahanid. (2019, February 27). “Masyarakat dahulukan agenda etnik, bukan budaya kebangsaan.” *Berita Harian*.
- Hafiz Ithnin. (2018). Cermin budaya Malaysia. *Metro*.
- Ho, K. J. (2014, June). Korean Stamp Review. *The Philatelic Magazine*, pg6.
- Kharis Zahid, Mohd. Ariff Wahid, Normah Ahamad, Siah Watt Moey, Aishah Ramli, Mazlan Sarip, Ajimilah Nyak Hussein dan Misli Sulaiman (2012). Dodol berenzim (Enzymatic dodol). *Bil*, 2, 113–117.
- Makmur Harun, & Muhammad Bukhari. (2015). Seni Kaligrafi Cina Dan Kaligrafi Islami : *Research Gate, October.* <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.1520.3286>
- Masturah Suradi. (2021). Usah persenda budaya kaum dalam Malaysia. In *Utusan Malaysia.* <https://www.utusan.com.my/berita/2021/05/usah-persenda-budaya-kaum-dalam-malaysia/>



- Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail, Ahmad Badri Abdullah, Mohammad Aizat Jamaludin. (2013). Fenomena Al-Tasyabbuh (Penyerupaan) Dalam Sambutan Perayaan Masyarakat Majmuk Di Malaysia. *Jurnal Syariah, Jil. 21, Bil, 1(1), 21–42.*  
<http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option>
- Mohd. Salehuddin Mohd Zahari., Noriza Ishak., Abd. Razak Aziz., Zatul Iffah Mohd. Fuza., Alina Shuhaida Mohd Ramly., & Junaidah Salleh. (2022). *Pelestarian Warisan Makanan Tradisional Melayu.*
- Noor Aina Dani (2011). Aplikasi kaedah analisis kandungan: Gambaran budi bahasa dan nilai murni orang Melayu dalam buku Malay Courtesy. *SARI : Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu, 29(1), 121–136.*
- Nuessel, F., & Cicogna, C. (1992). Postage Stamps as Pedagogical Instruments in the Italian Curriculum. In *Italica* (Vol. 69, Issue 2, p. 210). <https://doi.org/10.2307/479527>
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2021). Pelestarian nilai budaya beracukan kearifan tradisi. *Pengajian Liberal Dan Kelangungannya Dalam Landskap Pendidikan Negara, June, 199–218.*
- Satchell, S., & Auld, J. F. W. (2009). Collecting and Investing in Stamps. In *Collectible Investments for the High Net Worth Investor*. Elsevier Inc. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-374522-4.00010-X>
- Siti Haliza Yusop. (2019, February 21). Usah mudah tolak, haramkan adat dan budaya Melayu. *Berita Harian.*
- Siti Hawa Ahmad. (2007). Seni khat: Satu kajian estetika seni. *Universiti Malaysia Sarawak, 1–24.*  
[https://ir.unimas.my/id/eprint/20078/1/Seni Khat; satu kajian Estetika Seni - \(24 pages\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/20078/1/Seni%20Khat%3B%20satu%20kajian%20Estetika%20Seni%20-%20(24%20pages).pdf)
- Tan, S., & Melles, G. (2010). An activity theory focused case study of graphic designers' tool-mediated activities during the conceptual design phase. *Design Studies, 31(5), 461–478.*  
<https://doi.org/10.1016/j.destud.2010.05.002>
- Timothy, D.J. (2001) Postage Stamps, Microstates and Tourism, *Tourism Recreation Research, 26:3, 85-88, DOI: 10.1080/02508281.2001.11081203*
- Zulkiplie Ibrahim. (n.d.). Hambarnya Hari Raya tanpa Lemang dan Ketupat. *Mstar.*

